

Salah guna internet mengganggu ketenteraman

Beberapa kejadian membuktikan kemudahan serta akses internet di negara ini disalah guna sehingga mengganggu ketenteraman rakyat. Justeru, tidak hairan apabila Kementerian Komunikasi dan Multimedia melalui Menteriannya, Datuk Seri Ahmad Shabery Cheek melaporkan Kementeriannya tidak teragak-agak untuk mengkaji semula kemudahan serta akses internet di Malaysia.

Internet banyak membantu dunia akademik dan perniagaan. Pengusaha dapat mengiklankan perkhidmatan atau barang dalam ruang siber dan mendapat pulangan daripadanya. Pasaran global dapat dicapai secara terus. Perbankan, urusan niaga saham, penerbitan, dan pengiklanan juga dijalankan melalui internet. Pelaburan antarabangsa dapat berkembang pesat.

Gugat sentimen agama, keselamatan negara

Apa yang sangat membahayakan kesan daripada penggunaan internet secara negatif ialah apabila bahan yang disiarkan boleh menggugat sentimen agama dan keselamatan negara.

Beberapa peristiwa terbukti menunjukkan rakyat resah kesan tidak sensitif beberapa individu yang bermain dengan sentimen agama dan keselamatan negara melalui internet.

Ahli penyelidik melihat empat kesan negatif penggunaan internet berlebihan. Perkara itu ialah ikatan hubungan keluarga yang semakin longgar,



Pengguna perlu bijak menggunakan internet tanpa mengganggu ketenteraman awam.

[GAMBAR HIASAN]

konsep diri pengguna yang rendah, ketidakmampuan pengguna melahirkan pendapat dan ketidakupayaan pengguna untuk bersosialisasi.

Kajian Schneider (2000) bertajuk *'Effects of Cybersex Addiction on the Family: Results of a Survey'* menunjukkan berlaku peningkatan perceraian kesan daripada penggunaan internet berlebihan. Dalam kes sebegini, layaran ke laman web lucah dan juga hubungan sulit yang terbina secara atas talian telah menghancurkan kepercayaan pasangan dan seterusnya

menjarakkan kemesraan pasangan.

Pengaruhi masa bersama keluarga

Internet juga mempengaruhi interaksi penggunaan masa individu bersama ahli keluarganya yang lain. Kajian Carnegie Mellon University yang diterbitkan oleh American Psychologist menunjukkan masa yang digunakan untuk berinteraksi dengan ahli keluarga lain turun secara dramatik apabila semakin banyak masa digunakan secara talian

FORUM

Pembaca yang ingin menyuarakan pandangan berhubung isu semasa boleh menghantar sumbangan menerusi e-mel:

**bhforum@
mediaprima.com.my**

di internet.

Alasan yang diberi pelayar ialah mereka memerlukan masa yang lebih untuk berhubung dengan rakan-rakan yang baru atau sudah lama tidak mereka jumpa. Ini menyebabkan mereka berterusan tidak memberi perhatian kepada ahli keluarga.

Peningkatan penggunaan internet juga berkait rapat dengan perasaan kesunyian dan kemurungan. Mengikut kajian Kraut dan rakan-rakan, ini berlaku lebih kepada golongan menengah dan atasan lelaki.

Contohnya, ada penyelidik menjelaskan pekerja yang produktif mempunyai masa yang terhad untuk menjalin dan memperkembangkan hubungan sosial mereka. Dengan menggunakan banyak masa yang terhad melayari internet, mereka berakhir dengan kesedihan dan tersisih dengan masyarakat.

Prof Madya Datin Dr Sapora Sipon
Universiti Sains Islam
Malaysia